

Oleh JA'AFAR HAJI HAMDAN

Apabila membina ungkapan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan, terbayang satu gambaran bahawa bahasa Melayu seumpama bahtera yang sedang meredah gelombang di tengah lautan luas. Sebuah bahtera yang sedang dibuai oleh riak alun yang tidak terjangkau kecil besarnya. Terkadang-kadang menerpa dengan rakus dan terkadang-kadang melambung dengan ganas.

Secara konsepnya, bahasa Melayu sudah teguh megah berada dalam lingkaran masyarakat Malaysia. Apatah lagi bahasa Melayu termaktub jelas dalam Perlembagaan Persekutuan yang luhur. Namun demikian, untuk memperkatakan bahasa Melayu turut teguh utuh dalam jiwa masyarakat Malaysia, mungkin akan memberikan data yang berbeza.

Lazimnya, untuk membina sesuatu memakan masa yang cukup panjang. Episod perancangan, penilaian dan pelaksanaan dilihat daripada pelbagai sudut. Akan tetapi untuk merentulkannya, cukup sekejap. Ironinya, segala bentuk tindakan yang meruntuhkan itu, selalunya tidak lagi melalui proses kewajaran sehingga dilaksanakan tanpa memikirkan sebab dan akibatnya.

Akhirnya, perubahan dasar baharu yang dimunculkan, tidak lagi mencakupi asas dasar pembinaan itu sendiri dalam hal kenapa dan mengapa dasar tersebut diwujudkan. Hal ini terjadi dalam dasar pendidikan negara kita pada hari ini. Perubahan demi perubahan yang didesak oleh keperluan menghasilkan sumber tenaga yang mempunyai minda kelas pertama



## Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pendidikan?

mendorong desakan-desakan yang melulu. Salah satunya, menjadikan bahasa Inggeris, yang dianggap sebagai bahasa yang paling berkesanan merealisasikan cita-cita tersebut, sebagai bahasa pendidikan.

Pandangan dan pendapat sedemikian hanya didasari pula oleh tafsiran yang lunak dalam jangka pendek tanpa melihat kesan jangka panjangnya. Teori tanggapan bahawa bahasa Inggeris sebagai bahasa global bukan jaminan bagi sumber manusia yang sifatnya pelajar yang belajar untuk memperoleh nilai ilmu sekiranya kefahaman dan pemahaman tidak berlaku. Justeru, persoalan bahasa yang digunakan sebagai bahasa pendidikan merupakan persoalan yang besar untuk dihayati. Sebagai contoh, pembelajaran sains dengan penggunaan bahasa Inggeris akan

menimbulkan dua kesukaran, iaitu memahami ilmu sains itu sendiri dan memahami bahasa Inggeris, berbanding pembelajaran sains dalam bahasa Melayu, yang sememangnya bahasa Melayu sudah menjadi bahasa pertuturan harian yang sudah pasti akan memudahkan pemahaman terhadap subjek Sains.

Barangkali, wajar kita menyusuri semula kewujudan dasar pendidikan yang telah menjadi teras melahirkan pemimpin, guru, jurutera, doktor, dan sebagainya selama ini. Kalau kita melihat pada tahun-tahun menuju kemerdekaan dahulu, telah timbul kesedaran dalam kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia tentang betapa mustahaknya diadakan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk menggantikan sistem pendidikan penjajah bagi

memenuhi kehendak negara. Keperluan itu dilihat atas kapasiti membina rasa kepunyaan terhadap negara bangsa.

Justeru, atas kesedaran itulah lahirnya satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957. Dasar pendidikan ini telah disemak semula dalam tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib. Laporan Rahman Talib ini kemudian dimaktubkan dalam Akta Pelajaran, 1961. Kemudian, sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki pelaksanaannya supaya matlamat untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin, serta memenuhi

Berdasarkan sasaran akta berkaitan, jelas dua faktor yang menjadi teras utama bahasa Melayu dalam pendidikan adalah untuk menyatupadukan masyarakat dan membangunkan sumber manusia dalam usaha mengisi tuntutan ekonomi.

keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara, dapat dicapai. Laporan Jawatankuasa ini telah diterbitkan dalam tahun 1979.

Menurut kata pendahuluan Akta Pelajaran, 1961, ditegaskan, "Bahawasanya dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya". Akta ini dinyatakan secara am tetapi dalam melaksanakannya, Kementerian Pendidikan dengan berpandukan Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, telah mentafsirkannya sebagai menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi. Berdasarkan sasaran akta berkaitan, jelas dua faktor yang menjadi teras utama bahasa Melayu dalam pendidikan

adalah untuk menyatupadukan masyarakat dan membangunkan sumber manusia dalam usaha mengisi tuntutan ekonomi. Pada tahun 1951 menurut Laporan Jawatankuasa Barnes, diakui pentingnya bahasa Melayu dalam pembinaan sistem pendidikan yang bersifat kebangsaan sebagai alat mencapai perpaduan. Kemudian kedudukan bahasa Melayu bertambah baik apabila Laporan Razak menegaskan bahawa bahasa Melayu mesti diajarkan di semua sekolah, dijadikan salah satu pelajaran mustahak untuk mendapat Sijil Rendah (*Lower Certificate*) dan Sijil Pelajaran Kebangsaan (*National Certificate of Education*), dan mencadangkan semua sekolah menengah jenis kebangsaan wajib mengajarkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Laporan Razak disusuli oleh Laporan Rahman Talib yang dijadikan Akta Pendidikan 1961 apabila dua tindakan yang menyuburkan perkembangan bahasa Melayu, iaitu pertama, menukai bahasa pengantar Inggeris pada peringkat sekolah rendah dengan bahasa Melayu, dan kedua, peperiksaan umum peringkat sekolah menengah dijalankan dalam bahasa rasmi negara sahaja, iaitu bahasa Melayu.

Akta Pendidikan 1996 telah diperkemas dengan tindakan seperti mewajibkan kelulusan dalam bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) untuk naik ke sekolah menengah, mewajibkan kelulusan dalam bahasa kebangsaan bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, menambah bilangan guru terlatih dan guru khas bahasa kebangsaan untuk sekolah menengah jenis kebangsaan, dan menambah dengan pesatnya sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara. Tindakan ini bertujuan

Hashim Haji Musa juga menyatakan bahawa memang tidak dapat dinafikan bahawa ledakan ilmu pengetahuan dan kemajuan sains dan teknologi yang pesat kini banyak ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa utama dunia. Namun, proses untuk memperoleh ilmu tersebut boleh dilakukan dalam bahasa apa sekalipun.

menjadikan bahasa Melayu sebagai asas perpaduan rakyat berbilang keturunan, atau maksud lain untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu asas pembinaan negara Teras ini menjadi cukup dominan sehingga negara Malaysia ini cukup gah sebagai antara negara yang sedang giat membangun. Peliknya, dasar pendidikan negara menukar arah dalam meneruskan usahanya dengan menjadikan bahasa Inggeris pula sebagai bahasa pendidikan sedangkan kedudukan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan sama penting dengan kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pentadbiran.

Menurut Awang Sariyan, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan adalah bertujuan memenuhi konsep dan peranan bahasa rasmi juga. Hal ini dikatakan demikian kerana, inti sari Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) di Malaysia bertujuan mewujudkan masyarakat bersatu padu dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Ada beberapa pihak yang berpendapat bahawa bahasa Melayu belum cukup maju serta tidak mampu menjana ilmu dalam bidang sains dan teknologi. Sikap meragui dan mempersoalkan kedaulatan bahasa Melayu ini menjadi agenda yang berterusan oleh pihak yang tidak

bertanggungjawab. Hal yang demikian ini dilanjutkan dengan fenomena pemimpin-pemimpin mahupun tokoh-tokoh kita bertutur dalam bahasa Inggeris, tidak kira dalam acara rasmi atau tidak rasmi lebih-lebih lagi melalui media bersifat visual.

Asmah Haji Omar pernah menyatakan bahawa bahasa Inggeris menjadi cukup dominan diangkat sebagai bahasa pendidikan kerana adanya kenyataan yang mengelirukan, kononnya penguasaan bahasa Inggeris sangat penting untuk menyediakan seseorang pelajar menyumbang kepada pembinaan negara peringkat tinggi sebagai ahli birokrat atau teknokrat atau profesion-profesional lain. Kedua, bahasa Inggeris menjadi bahasa komunikasi dalam kalangan kelas atasan dan kelas menengah bagi Melayu dalam proses komunikasi tersebut.

Ketiga, orang Melayu (golongan elit yang berpendidikan Barat) sendiri berasa lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris kerana tidak perlu memikirkan sangat tentang penggunaan sistem sapaan yang dikatakan ketat dalam bahasa Melayu. Keempat, kurangnya bahan rujukan dan buku teks yang ditulis dalam bahasa tempatan (bahasa Melayu)

sama ada karya asli ataupun terjemahan. Kelima, penggunaan yang meluas bahasa Inggeris dalam sektor swasta dan bidang perindustrian dan perdagangan, serta penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Hashim Haji Musa juga menyatakan bahawa memang tidak dapat dinafikan bahawa ledakan ilmu pengetahuan dan kemajuan sains dan teknologi yang pesat kini banyak ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa utama dunia. Namun, proses untuk memperoleh ilmu tersebut boleh dilakukan dalam bahasa apa sekalipun. Penyampaian dan pembedayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat seharusnya dilakukan dalam bahasa yang paling mudah difahami oleh rakyat, iaitu bahasa kebangsaan mereka sendiri. Ilmu yang berasal daripada pelbagai bahasa boleh diambil, diolah dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Kekurangan bahan rujukan dan bahan terjemahan dalam bahasa Melayu berlaku kerana kurangnya bilangan para ilmuwan, ahli sains dan teknologi tempatan yang mampu bergiat di barisan hadapan, dan juga kurangnya jumlah pakar, pensyarah dan profesor bertaraf dunia yang mahir dalam bahasa Melayu untuk menyampaikan

ilmu terkini. Masalah ini dapat diatasi sekiranya galakan dan latihan dapat diberikan kepada pakar-pakar, pensyarah-pensyarah dan para profesor untuk terus berusaha membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium kajian. Dengan cara ini, bahasa Melayu mempunyai nilai saintifik dan komersial dalam penerbitan-penerbitan jurnal dan buku.

Pada tahun 1996, kedudukan bahasa Melayu mengalami cabaran yang hebat apabila Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17(1) diperkenalkan oleh kerajaan. Akta ini memberikan kuasa kepada Menteri Pendidikan Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar pendidikan.

"Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri Pendidikan daripada subseksyen ini". (Undang-undang Malaysia Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), 1996:26).

Dengan pengisytiharan undang-undang ini, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di IPTS makin bertambah dan penggunaan bahasa Inggeris di IPTA juga makin meningkat. Walaupun pengisytiharan undang-undang telah dilakukan, tetapi diharapkan pihak kerajaan dapat mengawal penggunaan bahasa Inggeris di IPTA supaya tidak mengatasi kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Kemudian kerajaan membuat kejutan lagi apabila mengarahkan

Dalam akhbar *Mingguan Malaysia* bertarikh 27 Mac 2005, dapatan kajian selanjutnya menunjukkan bahawa 50% orang anak Melayu hanya memperoleh gred C bagi bahasa Inggeris dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Arahan ini berlaku apabila didapati penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar amat tidak memuaskan, terutamanya dalam kalangan pelajar di luar bandar. Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu telah dikorbankan kerana kelemahan pengajaran subjek bahasa Inggeris. Kajian akademik tentang pelaksanaan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menunjukkan kira-kira 20% atau hampir setengah juta orang pelajar Melayu akan keciciran dalam kedua-dua subjek tersebut jika dasar ini diteruskan.

Berita ini sesuatu yang menakutkan. Dalam akhbar *Mingguan Malaysia* bertarikh 27 Mac 2005, dapatan kajian selanjutnya menunjukkan bahawa 50% orang anak Melayu hanya memperoleh gred C bagi bahasa Inggeris dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

(UPSR). Hal ini bermakna pelajar-pelajar ini tidak akan mampu meneruskan pengajian mereka sehingga tingkatan 5 sekiranya gagal menguasai bahasa Inggeris yang menjadi bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Ekoran daripada keadaan ini, Kongres Pendidikan Melayu Kedua pada 26 Mac 2005 telah mengesahkan pihak kerajaan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris sebagai kaedah pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah kerana hal yang demikian ini boleh mengancam kedaulatan dan jati diri bangsa Melayu. Akhirnya PPSMI dimansuhkan atas kesedaran itu.

Namun, bermula pada tahun 2016, pengajaran subjek berteraskan sains, matematik dan teknologi di bawah program dwibahasa (DLP) dilaksanakan dan para pelajar memilih bahasa yang mereka kehendaki untuk proses pembelajarannya. Ironinya, sejumlah 300 buah sekolah yang diuji program dwibahasa ini tertumpu di kawasan bandar. Sudah tentu agenda jangka panjangnya seakan-akan mengembalikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pendidikan. Hal yang pasti, DLP ini lebih kejam daripada program PPSMI yang menjadikan pelajar semakin ketinggalan dalam ilmu terkini.

Tuntasnya, pendidikan dalam bahasa Melayu masih mampu menggalas peranan sebagai wahana pemupukan perpaduan rakyat, proses pengilmuan masyarakat, dan penyediaan nilai-nilai kehidupan bersama melalui bahasa kebangsaan. Usaha-usaha yang dijalankan dalam pendidikan dengan menggunakan bahasa Melayu lebih menekankan aspek kualiti bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan dan modal insan yang dihasilkan melalui pendidikan. DB